

Puteri mahu cipta rekod kain rentang bertandatangan terpanjang

UM 22 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Puteri UMNO akan melancarkan kempen mencipta rekod kain rentang yang mengandungi tandatangan orang ramai terpanjang di dunia.

Ketuanya, Azalina Othman Said berkata, kain rentang sepanjang 45 kilometer atau sama jaraknya antara Pusat Dagangan Dunia Putra ke Putrajaya itu bagi memberi kesempatan kepada orang ramai mengatakan ucapan terima kasih mereka terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selama ini.

Sehubungan itu, katanya, beliau telah mengarah-

kan semua ketua Puteri negeri dan ketua bahagian pergerakan itu agar turut mengadakan aktiviti mendapatkan tandatangan tersebut di seluruh negara.

"Kain rentang ini akan kita serahkan kepada Perdana Menteh menjelang bulan Oktober nanti," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Terdahulu, ahli-ahli pergerakan itu termasuk Azalina, Exco-exco dan ketua-ketua Puteri negeri menyambut ketibaan Dr. Mahathir di Aras Empat PWTC bersama kain rentang sepanjang 60 meter mengandungi tanda tangan orang ramai yang berjaya dikumpulkan sempena Perhimpunan Agung UMNO kali ini.